

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang Akademik 2002/2003

Februari/Mac 2003

## JEE 532 – PERHUBUNGAN

Masa : 3 Jam

---

### ARAHAN KEPADA CALON:

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TUJUH (7)** muka surat bercetak dan **ENAM (6)** soalan sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian, **Bahagian A** dan **Bahagian B**.

Jawab **SEMUA** soalan di dalam **Bahagian A** dan **DUA (2)** soalan **SAHAJA** dalam **Bahagian B**.

Jawab **LIMA (5)** soalan.

Gunakan dua buku jawapan yang diberikan supaya jawapan-jawapan bagi soalan-soalan Bahagian A adalah di dalam satu buku jawapan dan bagi Bahagian B di dalam buku jawapan yang lain.

Agihan markah diberikan di sisi sebelah kanan soalan berkenaan.

Semua soalan hendaklah dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

...2/-

**BAHAGIAN A**

Arahan: Jawab **SEMUA** soalan dalam bahagian ini.

**Soalan 1**

1. (a) Beri takrif pemodulatan dan nyahmodulatan. [20%]
- (b) Nyatakan 3 sebab mengapa proses pemodulatan amat penting dalam perhubungan. [20%]
- (c) Beri takrif teorem persampelan. [20%]
- (d) Pemodulatan amplitud dan pemodulatan denyut adalah dua kaedah pemodulatan yang berlainan. Jelaskan perbezaan antara keduanya. [20%]
- (e) Beri takrif turas terpadan dan apakah maklumat turas tersebut. [20%]


**Soalan 2**

2. (a) Suatu rentetan digit binari  $s(t)$  berikut keluar dari litar penguantuman.

$$s(t) = [01100110]$$


Lakarkan rupa bentuk rentetan digit binari tersebut jika ia diwakili oleh isyarat digit dwikutub NRZ (*Not-Return-to-Zero*), ekakutub RZ (*unipolar Return-to-Zero*), AMI (*Altenated Mark Inversion*) dan (*Split Phase*).

- [50%]
- (b) Rajah 1(a) hingga Rajah 1(c) di bawah menunjukkan tiga bentuk isyarat maklumat  $m(t)$  yang digunakan untuk memodulatkan suatu isyarat pembawa berbentuk sinusiodal.




Rajah 1(a) Isyarat maklumat berbentuk segitiga.

...3/-



Rajah 1(b) Isyarat maklumat berbentuk 'mata ergaji'.



Rajah 1(c) Isyarat maklumat berbentuk segi empat.

Berdasarkan rajah-rajab di atas, lakarkan rupa bentuk isyarat pembawa dan beri ulasan jika;

- (i) Isyarat  $m(t)$  dalam Rajah 1(a) memodulatkan isyarat pembawa dengan kaedah pemodulatan amplitud am (*Conventional Amplitude Modulation, AM*).
- (ii) Isyarat  $m(t)$  dalam Rajah 1(b) memodulatkan isyarat pembawa dengan kaedah pemodulatan frekuansi (*Frequency Modulation, FM*)
- (iii) Isyarat  $m(t)$  dalam Rajah 1(c) memodulatkan isyarat pembawa dengan kaedah pemodulatan fasa (*Phase Modulation, PM*).

[50%]

### Soalan 3

3. (a) Jelaskan apakah yang dimaksudkan dengan pengkuantuman sekata dengan pengkuantuman tidak sekata.

[20%]

- (b) Sebuah sistem penguat suara hendak dipasang dalam sebuah dewan orang ramai. Sistem penguat suara ini mengandungi sebuah penguat ucapan umum (*public address amplifier*) dan beberapa buah pembesar suara (*speaker*). Seorang jurutera perunding mencadangkan supaya sambungan diantara penguat ucapan umum dengan setiap pembesar suara menggunakan unit talian digit berasaskan kaedah Pemodulatan Kod Denyut (*Pulse Code Modulation, PCM*).

Setelah diteliti didapati bahawa isyarat suara yang masuk ke penguat ucapan umum meliputi julat voltan punca kuasa dua  $V_{rms}$ , (*root mean square, rms*), dengan purata kuasa  $P_s$ . Litar pengkuantuman dalam penguat ini pula mengandungi sejumlah  $L$  aras pengkuantuman dan setiap aras pengkuantuman tersebut pula diwakili dengan rentetan binari 8 digit.

Berdasarkan keterangan di atas buktikan bahawa nisbah isyarat-kehingar pada keluaran unit talian digit ini ( $SNR_o$ ) dinyatakan oleh;

$$SNR_o \approx (55.9463 + 10 \log P_s - 20 \log V_{rms}) \text{dB} \quad [60\%]$$

- (c) Jika nilai  $P_s$  adalah dalam julat mWatt, berikan ulasan anda tentang persamaan di atas. [20%]

## BAHAGIAN B

Arahan : Jawab **DUA** soalan **SAHAJA** dalam bahagian ini.

### Soalan 4

4. (a) Suatu isyarat pembawa  $c(t)$  digunakan untuk memodulatkan isyarat maklumat rawak  $m(t)$  dengan kaedah-kaedah pemodulatan di bawah,

- (i) Pemodulatan Dua Jalur Sisi-Pembawa Tertindas
- (ii) Pemodulatan Dua Jalur Satu-Pembawa Tertindas

Lakarkan gambarajah domin masa dan gambarajah domin frekuensi bagi kesemua kaedah pemodulatan di atas. Beri ulasan kepada jawapan anda.

[50%]

- (b) Suatu isyarat maklumat sinusiodal  $m(t)$  dengan frekuensi 2.5KHz dan amplitud 1.25V memodulatkan isyarat pembawa  $c(t)$  berfrekuensi 100MHz dengan kaedah Pemodulatan Amplitud Am (AM). Indek pemodulatan ( $m$ ) dalam proses pemodulatan ini telah ditetapkan pada nilai 75%. Setelah melalui proses pemodulatan didapati bahawa amplitud minimum isyarat termodulat adalah 1.5V.

Berdasarkan kenyataan di atas,


- (i) Lakarkan rupabentuk isyarat AM yang terhasil dan nyatakan keadaan pemodulatan isyarat tersebut.
- (ii) Jika isyarat AM ini melalui beban  $50\Omega$ , hitung kuasa yang terjana dalam setiap komponen frekuensi isyarat termodulat.
- (iii) Lakarkan spektrum kuasa isyarat AM ini dan beri ulasan anda tentang lakaran tersebut.

[50%]

...6/-

Soalan 5

5. (a) Nyatakan makna angka hingar. [20%]
- (b) Rajah 2 di bawah menunjukkan dua buah penguat tanpa hingar disambung secara kaskad dengan gandaan kedua-dua penguat adalah  $G_1$  dan  $G_2$ .



Hingar dalaman ( $N_e$ ) dalam penguat ini telah dikeluarkan dan kaitannya dengan hingar luaran ( $N_i$ ) diberikan oleh persamaan

$$N_e = [F - 1]N_i$$

Berdasarkan persamaan di atas buktikan bahawa angka hingar keseluruhan ( $F_T$ ) gabungan penguat di atas adalah

$$F_T = F_1 + \frac{(F_2 - 1)}{G_1}$$

[40%]

- (c) Sebuah antena TV disambung ke kabel berciri angka hingar yang sama nilai dengan gandaannya  $-1.2\text{dB}$ . Kabel ini pula disambung ke sebuah pra-penguat yang angka hingar dan gandaannya adalah  $3\text{dB}$  dan  $30\text{dB}$ . Seterusnya sebuah litar pecampur disambung ke pra-penguat ini yang ciri pecampur tersebut adalah gandaan  $10\text{dB}$  dan angka hingar  $5\text{dB}$ . Akhirnya sebuah litar penguat IF disambung kepada litar pecampur ini dengan ciri-ciri litar penguat IF adalah gandaan  $100\text{dB}$  dan angka hingar  $3\text{dB}$ .

Hitung angka hingar keseluruhan sistem tersebut.

[40%]  
...7/-

Soalan 6

6. (a) Suatu isyarat rawak  $m(t)$  telah memodulatkan isyarat pembawa dengan kaedah pemodulatan frekuensi (*Frequensi Modulation, FM*). Buktikan bahawa isyarat FM,  $v(t)_{FM}$ , yang terhasil adalah

$$v(t)_{FM} = A_c \cos \left[ 2\pi f_c t + 2\pi K_f \int m(t) dt \right] V$$

[30%]

- (b) Suatu isyarat pembawa 50MHz telah dimodulatkan oleh isyarat maklumat rawak  $m(t)$  yang menyebabkan sisihan frekuensi maksima 75kHz. Jika julat frekuensi bagi  $m(t)$  adalah [300, 4000]Hz, hitung,

- (i) Indek pemodulatan.
- (ii) Lebar jalur isyarat yang terhasil.
- (iii) Nilai frekuensi  $m(t)$  terbesar yang boleh memodulatkan isyarat pembawa dalam keadaan pemodulatan frekuensi masih lagi jalur lebar.

[35%]

- (c) Suatu isyarat satu nada dengan amplitud 5mV dan frekuensi 2kHz sedang memodulatkan isyarat pembawa 5V, 50MHz dengan kaedah pemodulatan frekuensi jalur sempit. Jika isyarat termodulat yang terhasil adalah  $v(t)$ , lakarkan spektrum kuasa isyarat tersebut dan beri ulasan tentang lakaran anda.

[35%]